

27/04/2001

102 Pemuda bahagian dapat pemimpin baru

KUALA LUMPUR, Khamis - Seramai 102 daripada 153 bahagian yang sudah mengadakan mesyuarat, menampilkan muka baru untuk memimpin Pergerakan Pemuda Umno peringkat bahagian.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata sehubungan itu Pemuda akan memastikan kepemimpinan baru mampu menyuntik semangat kepada ahli untuk memastikan hala tuju pergerakan mendampingi golongan muda tercapai.

"Masih ada 12 bahagian lagi yang belum bermesyuarat dan sehingga kini jumlah muka baru itu mewakili kira-kira 70 peratus pemimpin Pemuda," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

Menurutnya, Pemuda akan mengadakan perhimpunan khas pada 29 Mei depan, bagi membolehkan semua 165 ketua Pemuda bahagian dan ahli jawatankuasa mendengar amanat yang akan disampaikan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, sembilan daripada 13 Exco Pemuda tidak lagi memimpin bahagian kerana lebih umur, manakala empat lagi gagal mempertahankan jawatan ketika bertanding jawatan lebih tinggi.

Antara Exco yang tewas ialah Pengerusi Biro Hal Ehwat Antarabangsa Pemuda, Dr Shamsul Anwar, yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Pemuda Bahagian Sungai Siput.

(END)